

22/02/2001

Tenaga elektrik projek Bakun untuk Pulau Borneo

Abdul Halim Yusoff

KERAJAAN Persekutuan dijangka meneruskan projek empangan elektrik hidro Bakun di Sarawak mengikut rancangan asal dengan janaan 2,400 MW tetapi tenaganya tidak akan disalurkan melalui kabel bawah laut ke Semenanjung, sekali gus mengurangkan dengan ketara kos keseluruhan projek itu.

Sebaliknya, tenaga yang dihasilkan akan hanya digunakan untuk Pulau Borneo merangkumi Sarawak, Sabah, Brunei dan Kalimantan, Indonesia.

Selain itu, sumber industri memberitahu, untuk memenuhi pengeluaran tenaga yang besar itu juga kerajaan akan membuka sebuah kawasan perindustrian bebas baru di Sarawak dengan tumpuan kepada industri berat.

Sebelum projek Bakun tergendala berikutan krisis ekonomi Asia pada 1997, pembinaan Empangan Bakun di Belaga, Sarawak yang akan menjana 2,400MW yang mana tenaga yang dihasilkan akan disalurkan ke Semenanjung menerusi kabel bawah laut membabitkan anggaran kos sebanyak RM13.5 bilion.

Bagaimanapun, jika rancangan asal itu diteruskan sekarang dengan mengambil kira keadaan nilai tukaran ringgit yang rendah dan sebahagian besar komponen perlu diimport, kos projek itu dijangka meningkat hampir kepada RM20 bilion.

Sehubungan itu, berikutan keputusan yang akan diambil kerajaan untuk tidak menyalurkan tenaga Bakun ke Semenanjung, kos pembinaan empangan itu akan hanya menjadi satu pertiga daripada anggaran RM20 bilion itu. Pembinaan kabel bawah laut menyambungkan Sarawak dan ke Teluk Tenggara, Johor sepanjang 670 kilometer dianggarkan memakan dua pertiga daripada kos keseluruhan projek.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jun 1999, dilaporkan berkata kerajaan mungkin membatalkan rancangan membina rangkaian kabel bawah laut projek Bakun kerana kosnya terlalu tinggi.

Kerajaan pusat mengambil alih projek Bakun pada penghujung 1998 daripada Bakun Hydro-Electric Corp Bhd, milik 32 peratus pengurus projek Bakun ketika itu, Ekran Bhd berikutan krisis ekonomi Asia.

Sehingga kini, Sarawak sudah mendapat permohonan untuk beberapa projek industri berat termasuk projek pencairan aluminium di Bintulu oleh Kumpulan Comalco Ltd dari Australia. Projek industri berat sebegini akan meningkatkan permintaan untuk tenaga elektrik dengan ketara.

Seorang penganalisis yang dihubungi berkata, projek Bakun yang mengikut rancangan asal dan pembukaan sebuah lagi kawasan perindustrian baru akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Sarawak.

Jika diteruskan, empangan Bakun akan mengambil masa antara tujuh hingga lapan tahun untuk disiapkan selaras dengan jangkaan ledakan permintaan untuk tenaga yang memuncak ketika itu dari Pulau Borneo.

"Borneo yang terletak dalam kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA) merupakan kawasan pelaburan kondusif yang akan menerima kemasukan pelaburan besar dalam pelbagai industri dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

"Kemasukan industri besar ke kawasan ini pastinya perlukan sokongan sumber tenaga. Dalam keadaan inilah Bakun akan mendapat manfaat besar," katanya.

Projek Bakun dibangunkan untuk memenuhi keperluan strategik tenaga dalam jangka panjang berikutan kos janaannya yang menggunakan air, adalah percuma.

Untuk membiayai projek itu, kerajaan pusat akan menanggungnya menerusi terbitan bon kedaulatan. Itulah juga antara sebab kerajaan mengambil alih

projek itu kerana boleh beralih kepada bon kedaulatan dengan kos yang lebih rendah berbanding hutang yang dibuat syarikat awam.

Komponen pertama dalam pembinaan empangan Bakun iaitu pembinaan tiga terowong masing-masing sepanjang 1.4 kilometer. Pembinaan yang dijalankan Dong Ah Construction Co Ltd sudah hampir siap dan syarikat itu dijangka menyerahkannya kepada kerajaan hujung April ini.

Sementara itu, Tenaga Nasional Bhd (TNB) yang dilantik kerajaan sebagai pengurus projek ketika diambil alih daripada Bakun Hydro-Electric bagaimapun tidak akan mengambil ekuiti dalam Projek Bakun. TNB dijangka dikekalkan sebagai pengurus projek Bakun.

Pada 1999, TNB mencadangkan kepada kerajaan untuk mengecilkan saiz janaan tenaga Bakun kepada 500MW untuk dibekalkan kepada pengguna di Sarawak dan Sabah saja.

(END)